



KENYATAAN MEDIA

Hebahan Segera

PTPTN DAN YVATM JALIN KERJASAMA STRATEGIK UNTUK MANFAAT ANAK-ANAK VETERAN ATM

KUALA LUMPUR, 12 Januari 2023 - Yayasan Veteran ATM (YVATM) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai tanda menjalinkan kerjasama strategik bagi menyantuni keperluan pendidikan anak-anak Veteran ATM.

Majlis menandatangani MoU tersebut telah diadakan di Menara PTPTN yang disempurnakan oleh YBhg. Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM merangkap Ketua Pegawai Eksekutif YVATM manakala PTPTN diwakili oleh YBhg. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Ia disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi.

PTPTN dan YVATM bersetuju untuk bekerjasama merangkumi pelbagai skop antaranya:

- i. Program Insentif Simpanan Anak Veteran ATM;
- ii. Program Dermasiswa Anak ATM/Veteran ATM;
- iii. Bersama meningkatkan kesejahteraan warga YVATM melalui pelbagai program di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR);
- iv. Program promosi produk / perkhidmatan bersama; dan
- v. Program Sahabat PTPTN.

Melalui kerjasama strategik ini, YVATM akan memberikan sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime kepada 1,000 orang anak-anak veteran ATM kelahiran baharu pada tahun 2022 dengan peruntukan kewangan berjumlah RM1 juta. Setiap anak kelahiran baharu tersebut akan menerima sumbangan RM1,000. Objektif utama sumbangan ini adalah bagi memastikan anak-anak kelahiran baru ini mempunyai simpanan pendidikan untuk digunakan selepas berumur 18 tahun bagi membiayai kos melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi kelak.

Selain itu, YVATM turut memberi sumbangan berjumlah RM215,500 melalui Program Insentif Kecemerlangan SPM 2021 kepada 431 anak-anak veteran ATM. Setiap pelajar akan menerima sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime bernilai RM500.

PTPTN turut memberi sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime melalui Program Dermasiswa berjumlah RM50,000 untuk 500 anak ATM/ veteran ATM yang berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). Ia adalah sebagai motivasi dan galakan kepada pelajar kerana berjaya memasuki IPT serta sokongan semua pihak termasuk YVATM dalam usaha PTPTN untuk mentransformasikan minda masyarakat Malaysia bagi meningkatkan penabungan pendidikan dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan untuk melanjutkan pengajian.

Yayasan Veteran ATM ditubuhkan pada tahun 2004 dan merupakan satu organisasi yang ditubuhkan berdasarkan matlamat utamanya, memantapkan program-program kebajikan yang dilaksanakan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Manakala PTPTN adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk menguruskan pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi serta mempunyai peranan besar dalam pembangunan modal insan negara. Selain itu, PTPTN telah menyediakan skim simpanan melalui Simpan SSPN bagi tujuan pendidikan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman. Melalui gabungan kepakaran antara kedua-dua belah pihak ini mampu merealisasikan kerjasama strategik yang telah dimeterai.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Pegawai Operasi YVATM, Lt Kol Azwadi bin Jamian (Bersara) dan para penyumbang Tabung Zakat Yayasan Veteran ATM iaitu Desatera Sdn. Bhd, Koperasi Tentera, Affin Hwang Investment Bank Berhad serta Rakan Strategik Pendidikan YVATM iaitu UNIRAZAK dan Yayasan LTAT serta Ahli Pengurusan PTPTN.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

- i. YVATM: Kapt Ezrie Hanif bin Yusof TUDM (ezriehanif.yusof@mod.gov.my / 017 - 254 0477)
- ii. PTPTN: Puan Hasliza Abdul Latiff (hasliza@ptptn.gov.my / 019 - 354 2388)